

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B DATO SRI DR. MUHAMMAD LEO  
MICHAEL TOYAD ABDULLAH [ MUKAH ]**

**TARIKH : 12.3.2015**

**SOALAN :**

**Dato Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [ Mukah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah pengambilan guru pelatih untuk 2013 dan 2014 di Sarawak dan adakah cadangan untuk mengagihkan kuota untuk pengambilan guru-guru untuk setiap negeri.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, permohonan anak-anak Negeri Sarawak bagi mengikuti Program Pengajian Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) Ambilan Jun 2014 ialah 5292 calon. Jumlah yang layak dipanggil Ujian Kelayakan Calon Guru (UKCG) dan menepati syarat asas ialah 1,713 orang calon. Bilangan yang lulus UKCG dan dipanggil untuk tapisan terakhir iaitu temu duga adalah 665 orang calon. Dari jumlah ini, seramai 398 calon telah berjaya ditawarkan pengajian di Institut Pendidikan Guru (IPG). Jika dibandingkan bilangan calon yang dipanggil temu duga dan bilangan calon yang berjaya menunjukkan **59.85 peratus calon anak Negeri Sarawak telah berjaya ditawarkan** kemasukan mengikuti PISMP Ambilan Jun 2014 di IPG Kementerian Pendidikan Malaysia.